

SENI UKIRAN HULU DAN SARONG KERIS SEBAGAI LAMBANG DARJAT

Disediakan oleh : Norhaiza Noordin

SEMPENA:

PERSIDANGAN KERIS ANTARABANGSA 2019

BERTEMPAT:


MUZIUM NEGERI TERENGGANU

TARIKH:

5 NOVEMBER 2019



ABSTRAK

- 
- Keris adalah artifak yang menjadi simbol identiti bangsa Melayu
 - Lambang budaya, tradisi dan status darjat dalam masyarakat
 - Fungsi utama keris dikategorikan sebagai senjata yang digunakan sebagai mempertahankan diri
 - Dijadikan juga sebagai pelengkap diri dan penguat semangat bagi orang Melayu
 - Seni ukiran pada hulu dan sarong keris merupakan alat perlambangan, perantaraan dan perhubungan dalam masyarakat dan kerajaan Melayu


- Keunikan ukiran setiap keris juga merupakan lambang darjat, status dan tanda kekuasaan yang berbeza bagi setiap golongan
 - contoh: golongan Raja, bangsawan, pahlawan dan rakyat
- Olahan ukiran, penggayaaan dan hiasan pada hulu dan sarong memerlukan nilai disiplin yang tinggi, kesungguhan dan juga ketelitian
- Ukiran yang dihasilkan pada keris akan menampakkan wujudnya rumpun masyarakat yang berbeza-beza
 - dipengaruhi oleh seni, adat, budaya sesuatu bangsa dan juga agama

- Ukiran yang terdapat pada setiap keris juga merupakan suatu penceritaan (secara nyata atau tidak nyata)
- Penghasilannya adalah simbolik dalam menyampaikan bentuk pemikiran, amalan dan latarbelakang masyarakat
- Setiap keris mempunyai identiti berbeza mengikut pemikiran dan kemahiran tukang ukir
- Dipengaruhi oleh proses evolusi peredaran zaman, asimilasi budaya, tahap pemahaman dan pemikiran tukang, dan juga tahap kemahiran tukang ukir



PENGENALAN

- Keris adalah salah satu alat senjata masyarakat Melayu yang menjadi sumber rujukan kepada peradaban bangsa dan agama pada masa kini
- Pada dasarnya, nilai sebilah keris bukan terletak pada bilahnya semata-mata, namun hulu dan saronglah mewakili identiti pemakainya kerana bilah tersembunyi di dalam sarong dan tidak mudah untuk dilihat
- Hal ini disebabkan oleh penggayaan pada hulu dan sarong keris yang diukir dan dihiasi dengan corak yang halus, olahan motif yang menarik serta bahan yang berkualiti dan mempunyai maksud atau identiti tersendiri

- 
- Kebanyakan keris yang mempunyai nilai yang tinggi hanya mampu dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai status, darjat atau kuasa yang tinggi seperti pembesar, bangsawan dan golongan Istana
 - Seni ukiran atau seni hiasan senjata ini dikategorikan sebagai seni ukiran halus di mana memerlukan kemahiran yang tinggi dengan menggunakan peralatan khas




FUNGSI KERIS

- Fungsi keris dalam budaya dan masyarakat Melayu khususnya adalah:
 - ❖ Sebagai senjata iaitu digunakan untuk mempertahankan diri
 - ❖ Sebagai lambang darjat, status atau tanda kekuasaan
(digunakan oleh golongan Raja / Bangsawan / Pahlawan / Rakyat)
 - ❖ Sebagai pelengkap busana di dalam majlis-majlis tertentu
(seperti istiadat dan upacara Istana, majlis konvokesyen, majlis perkahwinan)
 - ❖ Sebagai adat, amalan atau kepercayaan
(keris pembawa tuah, kebal, dan juga sebagai pelaris dalam perdagangan)
 - ❖ Sebagai penguat semangat
 - ❖ Sebagai alat perubatan
 - ❖ Sebagai alat menjaga keselamatan
 - ❖ Sebagai hadiah, peringatan atau penghargaan



ASAL-USUL SENI UKIRAN HALUS

- 
- Pada masa dahulu, kebanyakan tukang-tukang mahir yang terkenal dalam bidang seni pertukangan kayu termasuklah seni hiasan senjata terutamanya keris adalah daripada golongan Istana dan bangsawan
 - Contohnya, seorang tukang yang terkenal pada zaman sebelum kemerdekaan, iaitu Tengku Seriwara, yang berasal daripada golongan Istana di Kelantan
 - Tukang-tukang hulu dan sarong mahir juga lahir dari sekitar Istana yang mana terdapatnya pusat pemerintahan seperti Kuala Kangsar (Perak), Pekan (Pahang), Kuala Terengganu, Kota Bharu (Kelantan), Alor Setar (Kedah), Kangar (Perlis), Seri Menanti (Negeri Sembilan) dan lain-lain negeri

- Di daerah Besut juga terdapat sebuah istana yang bertapak di Kampung Raja yang menjadi pusat pemerintahan, di mana pembinaan istana, peralatan senjata dan peralatan upacara-upacara di istana ini diperbuat dan dihiasi dengan ukiran kayu yang memerlukan kemahiran pertukangan yang tinggi
- Antara seni pertukangan yang menyerlah di sekitar daerah Besut ialah pembuatan hulu dan sarong senjata termasuklah hulu dan sarong keris, badek dan golok



KEMAHIRAN DALAM SENI UKIRAN HALUS

- Ilmu yang diperturunkan kepada seniman ukiran halus oleh guru-guru terdahulu menitikberatkan ketelitian dan kehalusan yang tinggi bagi mengekalkan identiti keMelayuannya
- Dalam bidang seni pertukangan ukiran halus, terdapat adab-adab dan pantang larang yang perlu dipatuhi
- Berasaskan ilmu pertukangan, yang diperturunkan oleh guru-guru terdahulu seniman-seniman ini dapat memperbaiki dan mengubahsuai olahan corak dan motif mengikut kehendak pelanggan berdasarkan syarat-syarat dan tidak melanggar pantang larang dalam ilmu pertukangan
- Seniman-seniman ini juga akan menjadikan hasil ukiran dan seni hiasan senjata itu menjadi lebih indah, mempunyai maksud tersendiri serta mempunyai darjat yang tinggi




SENIMAN SENI UKIRAN HALUS (SENJATA KERIS)

- Pengukir hulu dan sarong senjata tradisional yang terkenal pada waktu ini yang masih mengekalkan teknik dan gaya ukiran yang rumit antaranya adalah:
 - Encik Fauzi Yunus dari Besut (Terengganu)
 - Encik Hasrul dari Besut (Terengganu)
 - Encik Azizi dari Besut (Terengganu)
 - Encik Shahar Man dari Kuala Kangsar (Perak) dan ramai lagi
- Mereka adalah pewaris seni pertukangan ukiran halus tradisi yang masih aktif dan mereka ini boleh diiktiraf sebagai warisan negara
- Karya-karya mereka ini menepati piawaian seni hulu dan sarong setaraf dengan karya seniman tradisional terdahulu malah karya-karya mereka mengatasi seniman terdahulu




**SALASILAH PERGURUAN
SENI UKIRAN
HULU DAN SARONG
SENJATA MELAYU**

SALASILAH PERGURUAN SENI UKIRAN
HULU DAN SARONG SENJATA MELAYU





PENGHASILAN KERIS

- 
- Penghasilan rekabentuk setiap bilah keris mempunyai identiti berbeza-beza mengikut daerah dan negeri
 - Persekitaran, kepercayaan serta ilmu seni pertukangan tukang-tukang keris inilah yang menjadikan sebilah keris itu nampak lebih beridentiti dan mempunyai nilai eksklusif yang tersendiri
 - Penghasilan bilah keris juga dipengaruhi oleh proses evolusi:
 - ❖ asimilasi budaya dan peredaran zaman
 - ❖ perubahan tahap kemahiran tukang
 - ❖ perubahan pemahaman tukang
 - Penghasilan dan penggayaan keris ini merupakan satu-satunya bukti kehebatan seni pertukangan bangsa Melayu khasnya dari Nusantara keseluruhannya yang masih diwarisi sehingga kini



KERIS LENGKAP

- Keris yang lengkap terdiri daripada beberapa bahagian seperti:
 - Mata bilah (dijadikan sebagai senjata)
 - Hulu
 - Pendokok
 - Sarong (terbahagi 3 bahagian iaitu)
 - ❖ Sampir
 - ❖ Batang
 - ❖ Buntut
- Tanpa 6 bahagian yang disebut di atas maka tidak lengkap dan tidak layak dipanggil keris
- Kekuatan sesuatu bahagian keris akan mempengaruhi nama keris itu
 - Contoh: Keris Tajong - bahagian hulu dan sarong
- Ada juga diberi gelaran berdasarkan salutan bahan logam Emas pada bahagian keris
 - Contoh: Keris Sultan- salutan / tatah emas pada bahagian hulu dan sarong yang dipanggil Keris Terapang Gabus

KERIS LENGKAP

Motif:

- Bunga Bayam Perak
- Bunga Ketumbit
- Bunga Ketam Guri
- Katak Nasi
- Pepunt dll

Silat:

- Pada Tuma
- Kerup 2 belah
- Kerup berdeda
- Layang
- Terengganu

5 Element

- Puncu
- Batang
- Pau
- Buah
- Bunga

Batang Semalai:

Bahan:

- Kayu Angsana Kerinting
- Kayu Kemuning Pelak
- Kayu Bongor Palak

Keris

Bahan:

- Kayu Kemuning
- Kayu Ketengga
- Kayu Penambar Hitam
- Tanduk Kerbau

Hulu:

- Anak Ayam Sejak/Kiam
- Anak Ayam Patah 3
- Tajong
- Tapak Kuda
- Serinjit
- Pipit Teleng
- Pelakas
- Kelopak Bunga

Bahan:

- Gagang Rajah
- Kayu Ketengga
- Kayu Kemuning
- Gigi Paus
- Tanduk Kerbau } Keris Panjang

Sampir Serias:

- Kayu Angsana
- Kemuning

Pendokok:

- Lepas
- Kelopak Bunga
- Geluk

Bahan:

- Tembaga
- Perak
- Emas

Motif:

- Ketampuri
- Ketumbit dll

Corak:

- Awan Larat
- Bujang
- Telor Ikan dll

Jenis:-

- Pantat Lepas
- Bujur Butir Padi
- Bulat Tempurung
- Mata Kapak

Buntut

Bahan:

- Kayu Kemuning
- Kayu Ketengga
- Kayu Penambar Hitam
- Tanduk Kerbau

Bilah:

- Sempena
- Sepukal
- Alang Panjang
- Cherita
- Patong Sari
- Pandai Sarag dll

Sampir:

- Tajong
- Tebeng / Tebar Layar
- Sari Bulan
- Bulan Sabit
- Semenanjung
- Butir Pauh
- Bahari
- Beko

Bahan:

- Gagang
- Gigi Paus
- Kemuning
- Ketengga
- Celak
- Akar Bahar
- Icenang

n. Hajia
15 July 2016


Bilah Sepukal
Hulu Anak
Ayam Sejuk

n. Hajia
15 July 2016

Keris Raja

Hulu Gigi Paus
Anak Ayam Patah 3
Sampir Bugis Tebeng
Kayu Kemuning
Batang Bersalut
Emas

HULU KERIS



- Hiasan pada hulu melambangkan darjat dan status pemakainya
- Dinamakan mengikut daerah penghasilannya
- Kayu mati beragam sebagai bahan pembuatannya : berat, sedia kering dan sukar diperolehi
- Bahan gading / gigi paus tidak digalakkan kerana jika tidak dipisahkan dari puting bilah keris (dalam tempoh 100 tahun) akan mengakibatkan puting bilah berkarat dan puting akan patah (kerana mempunyai kandungan garam yang banyak)
- Jenis hulu:
 - Anak Ayam Patah 3 (Kerdas)
 - Anak Ayam Sejuk
 - Pipit Teleng
 - Tajong
 - Tapak Kuda / Tangkai Labu
 - Serindit
 - Selayar

PENDOKOK

Jenis Pendokok
Semenanjung.



- Bentuk Kelopak Bunga
- Corak Pemidang
- Motif Daun Bayam Peraksi
- Tatah Telor Ikan
- Teknik Tebuk Tembus berSilat
- Bahan Perak/Emas



- Bentuk Geluk
- Corak Awan Larat
- Motif Bunga Pepulut
- Tatak Telor Ikan
- Teknik Tebuk Tembus berSilat
- Bahan Perak/Emas




- Bentuk Leper
- Corak Hek Palang Petang
- Motif Daun Ketumbit
- Teknik Tebuk Timbul
- Bahan Tembaga

n. Haya

07 Sept 2016


- Komponen hiasan daripada logam sama ada tembaga , perak , suasa ataupun emas
- Berfungsi sebagai hiasan pan penutup sebahagian buah pinang (lingga) keris
- Dihiasi ukiran motif : bunga ketam guri , ketumbit, bayam peraksi, bunga rumput dan lain-lain
- Kadang kala ditatah batu permata (teknik tatah telur ikan)
- Jenis pendokok semenanjung:
 - Geluk
 - Leper
 - Kelopak Bunga

SAMPIR



- Bentuknya perlu bersesuaian dengan hulu
 - Menggunakan kayu yang mempunyai pelak dan dipilih pada bahagian banir sahaja.
 - Boleh juga menggunakan gading gajah atau gigi paus sebagai bahan pembuatan sampir
 - Sampir yang popular di semenanjung:
 - Sampir Potong Kelantan
 - Sampir Gaya Pattani
 - Sampir Sari Bulan
 - Sampir Bulan Sabit
 - Sampir Tajong
 - Sampir Butir Pauh
 - Sampir Semenanjung
 - Sampir Terengganu
 - Sampir Baugis
- Potong Perahu
- Sampir Kajang

BUNTUT



- Menggunakan kayu beira tinggi
- Penggunaannya amat sedikit iaitu pada bahagian hujung sarong keris
- Hanya keris melayu mempunyai buntut
- Jenis – jenis Buntut pada keris:
 - Buntut Butir Padi
 - Buntut Bulat Tempurung
 - Buntut Pantat Lipas / Bahu Belalang
 - Buntut Mata Kapak
 - Buntut Bulat Buah Beko



CIRI-CIRI KERIS MENGIKUT NEGERI

- Keris Terengganu, Kelantan, Pattani dan Kedah terkenal dengan identiti tersendiri
- Motif-motif ukiran pada bahagian hulu keris adalah tanda simbol pengenalan mewakili pemiliknya
- Keris Terengganu :
 - Terkenal dengan Hulu Pipit Teleng
 - Simbol negeri Terengganu adalah Motif Bunga Bayam Peraksi



KERIS TERENGGANU

- Keris Kelantan :

- Lebih dikenali dengan Sampir Tebeng dan Hulu Anak Ayam Sejuk


- Motif Bunga Ketamguri dan Ketumbit merupakan simbol negeri Kelantan



KERIS KELANTAN



KERIS KUSERIWARAJA KELANTAN



MOTIF KELANTAN


- Keris Pattani :

- Tersohor dengan Keris Tajong

- Motif Bunga Kerak Nasi, Langkasuka dan Ketumbit pula menjadi simbol dari Pattani



KERIS PATTANI




MOTIF BUNGA PATTANI




CONTOH ANATOMI HULU DAN SARONG KERIS TAJONG

HULU : KERIS TAJONG



SARONG : KERIS TAJONG





CIRI-CIRI PEMAKAIAN KERIS MENGIKUT DARJAT

Ciri-ciri Pemakaian Keris Mengikut Darjat:

Hulu dan Sarong Bersalut Emas

- Sultan
- Raja-Raja

Hulu Gigi Paus Berukir / Pendokok Emas

Hulu Gigi Paus / Pendokok Emas

- Golongan Istana

Hulu Gading Gajah Berukir / Pendokok Emas / Suasa

Hulu Gading Gajah / Pendokok Emas / Suasa

Hulu Kayu Kenaung Berukir / Pendokok Emas / Suasa

Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga Berukir /
Pendokok Emas / Suasa

- Golongan Istana
- Bangsawan
- Saudagar-saudagar Kaya

Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga / Pendokok Perak

Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga / Pendokok Tembaga

- Orang Kebanyakan

PEMAKAIAN KERIS (SULTAN)




Hulu dan Sarong Bersalut Emas

PEMAKAIAN KERIS (RAJA-RAJA)




Hulu dan Sarong Bersalut Emas

PEMAKAIAN KERIS (GOLONGAN ISTANA)



Hulu Gigi Paus Berukir / Pendokok Emas dan Hulu Gading Gajah Berukir / Pendokok Emas / Suasa

PEMAKAIAN KERIS (GOLONGAN BANGSAWAN / SAUDAGAR KAYA)



Hulu Kayu Kemuning Berukir / Pendokok Emas dan Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga Berukir / Pendokok Emas / Suasa

PEMAKAIAN KERIS (GOLONGAN KEBANYAKAN)



Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga / Pendokok Perak dan Hulu Kayu Kemuning dan Ketengga / Pendokok Tembaga



PENUTUP

- Seni ukiran halus atau seni hiasan senjata ini merupakan seni yang mengangkat derajat bangsa Melayu dari segi budaya, tradisi dan adat resam
- Selain itu, senjata keris ini juga menjadi tanda kekuasaan dan menjadi alat perlambangan dalam Institusi Raja-Raja di negara ini
- Pelbagai corak dan olahan motif tradisional yang disusun dan direka pada sebilah keris itu terutamanya pada hulu dan sarong menyatakan pelbagai maksud tersirat dan tersurat mengenai pemikiran dan peradaban bangsa Melayu
- Pada masa sekarang, dengan pengaruh politik dan peredaran zaman, fungsi keris tidak lagi berada di tempat yang sepatutnya, hanya sebagai bahan kajian serta simpanan dan permainan hobi semata-mata sebagaimana yang kita lihat sekarang



SEKIAN, TERIMA KASIH...